

**1. Apakah Air Selangor X Chatime?**

Kerjasama Air Selangor X Chatime adalah inisiatif Air Selangor & Chatime untuk mempromosikan e-Bil. Pelanggan perlu memuat turun aplikasi Air Selangor & mendaftar e-Bil. e-Bil membolehkan pelanggan menerima bil air mereka melalui platform digital (emel atau WhatsApp).

**2. Berapa lamakah Tempoh Kempen Air Selangor x Chatime?**

Kempen bermula pada 1 November 2022 dan berakhir pada 31 Disember 2022.

**3. Siapakah yang layak menyertai Kempen?**

Semua pelanggan Air Selangor di bawah Kod 10 Pengguna Domestik, sama ada pemilik atau penyewa berumur 18 tahun dan ke atas, boleh menyertai Kempen ini (kecuali kakitangan Air Selangor).

**4. Bolehkah pelanggan Air Selangor yang telah mendaftar e-Bil menyertai Kempen ini?**

Kempen hanya terbuka kepada pelanggan yang mendaftar e-Bil pada 1 November hingga 31 Disember 2022 sahaja.

**5. Jika pelanggan mempunyai lebih daripada satu (1) akaun, bolehkah pelanggan menebus baucar untuk setiap akaun?**

Tidak, jika pelanggan mempunyai lebih daripada satu (1) akaun Air Selangor di bawah nama dan kad pengenalan pelanggan, maka hanya satu (1) akaun yang layak untuk memenangi Kempen ini.

**6. Bagaimanakah pendaftaran Kempen disahkan?**

Pendaftaran Kempen disahkan menerusi nama, e-mel, nombor telefon, nombor kad pengenalan dan bil akaun setiap peserta.

**7. Jika pelanggan mendaftar e-Bil sebelum Kempen bermula, adakah ia boleh dikira sebagai penyertaan Kempen?**

Pelanggan yang telah mendaftar e-Bil sebelum Kempen bermula tidak dikira sebagai penyertaan Kempen.

**8. Bagaimanakah peserta boleh mendapatkan baucar kod unik?**

Hanya peserta yang telah memenangi Kempen akan menerima baucar kod unik melalui e-mel pada awal bulan berikutnya daripada Air Selangor.

**9. Apakah kriteria untuk pemilihan pemenang?**

Pemenang mesti memenuhi kriteria seperti di bawah:

- pengguna baharu atau sedia ada aplikasi Air Selangor.
- pendaftar baharu e-Bil.
- tidak mempunyai bil air tertunggak.
- menjadi salah seorang daripada 4,000 pelanggan pertama yang membayar bil air melalui aplikasi Air Selangor dari 1 November 2022 hingga 31 Disember 2022.
- bukan pekerja Air Selangor.

- 10. Bolehkah saya menyertai Kempen untuk bulan berikutnya jika saya telah memenangi baucar sebelum ini?**  
Ya, pelanggan masih boleh mengambil bahagian pada bulan berikutnya (selagi masih lagi dalam Tempoh Kempen).
- 11. Bolehkah saya mendaftar e-Bil menggunakan selain daripada aplikasi Air Selangor dan masih layak untuk menyertai Kempen?**  
Anda layak untuk menyertai Kempen apabila mendaftar e-Bil melalui aplikasi Air Selangor, laman web atau kaunter perkhidmatan.
- 12. Bagaimanakah pelanggan boleh mengetahui lebih lanjut tentang Air Selangor x Chatime?**  
Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.airselangor.com/campaign-airselangorxchatime/>